

## **PEMBELAJARAN TILAWAH AL-QURAN BRAILLE: PENGALAMAN PUSAT PENYELIDIKAN IBNU UMMI MAKTUM (UMMI) USIM**

Mohd Nur Adzam Rasdi (Penulis bersama)  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri  
Sembilan, Malaysia.  
Tel: +60193541175, E-Mel: [bnurushd@gmail.com](mailto:bnurushd@gmail.com)

Noornajihan Jaafar, USIM  
Norakyairee Mohd Raus, USIM  
Mahyuddin Hashim, USIM  
Nur Amalina Azhar, USIM  
Muhammad Shahril Azrie Zainudin, PERTIS  
Zakaria Yahya, PERTIS/KPM  
Sharipah Zainah Abdul Rahman, PERTIS/KPM  
Anisah Razali, USIM

### **Abstrak**

Terdapat beberapa pendekatan yang popular dalam pendidikan tilawah al-Quran, antaranya adalah yang dimulai dengan penerapan kemahiran literasi. Pendekatan yang sama juga diaplikasikan dalam pengajaran asas tilawah al-Quran kepada komuniti OKU Penglihatan yang menggunakan medium tulisan Braille. Unikinya, di dalam mashaf al-Quran versi Braille, susunan penulisannya tidak sama seperti teks al-Quran tipikal, sebaliknya setiap huruf dan penandaan ditranskripsi ke dalam bentuk kod Braille dan disusun bersesuaian dengan keunikan cara OKU Penglihatan membacanya. Dari aspek pengajarannya pula, ia memerlukan kaedah serta teknik pengajaran yang berbeza daripada yang biasa dilaksanakan ke atas golongan tipikal. Fokus penulisan ini adalah untuk mengengahkan dokumentasi ringkas ke atas beberapa kaedah dan modul pengajaran tilawah al-Quran bagi OKU Penglihatan di samping pengalaman dan usaha Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) dalam mengkaji keunikan yang terdapat dalam proses pengajaran asas tilawah al-Quran Braille pada modul-modul yang sedia ada ini. Dengan berasaskan metodologi kualitatif, dokumen-dokumen yang berkaitan dikumpul dan dianalisis secara deskriptif kemudian dibentangkan sebagai dapatan. Hasil daripada pemerhatian ke atas dokumen-dokumen ini, didapati bahawa terdapat keunikan yang perlu diterapkan pada kaedah yang digunakan bagi meraikan sensitiviti dan cara pembelajaran OKU Penglihatan membaca al-Quran, terutamanya pada sudut penerangan dan susunan bahan. Melalui maklumat yang diperolehi dari kajian ini, asas kaedah pembelajaran tilawah bagi OKU Penglihatan dapat dikenal pasti, seterusnya membawa kepada usaha pembangunan modul yang lebih komprehensif sebagai sumbangan yang terkini dalam bidang tilawah al-Quran khususnya bagi OKU Penglihatan.

**Kata kunci:** Tilawah, Modul, al-Quran Braille, OKU penglihatan, UMMI

## **Pendahuluan**

Al-Quran merupakan sumber kebahagiaan manusia. Ini adalah kerana sifatnya yang menghadirkan ketenangan, membawa petunjuk dan penyelesaian bagi segala masalah serta menjadi panduan yang lengkap untuk setiap insan menghadapi cabaran kehidupan duniawi dan ukhrawi. Oleh itu keperluan untuk mengecapi kebahagiaan daripada al-Quran haruslah disampaikan kepada semua golongan termasuklah golongan yang kekurangan deria penglihatan. Walaupun tidak mampu melihat, golongan OKU Penglihatan tetap mempunyai hak dan juga tetap berpeluang untuk mengecapi kebahagiaan yang ditawarkan oleh al-Quran dengan menggunakan deria-deria yang lain seperti deria pendengaran dan sentuhan. Allah SWT juga telah menegaskan bahawa Dia telah mempermudah wahyuNya untuk menjadi peringatan dan pengajaran buat semua golongan hambanya, dan kenyataan ini diulang-ulang sebanyak empat kali di dalam surah al-Qamar iaitu pada ayat 17, 22, 32 dan 40. *“Dan demi sesungguhnya! Kami telah mudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”*.

Pada hari ini al-Quran telah pun diterbitkan di dalam versi Braille. Ia merupakan satu ruang dan peluang yang besar bagi OKU penglihatan untuk mengambil peringatan dan pengajaran daripada *Kalām* Allah dengan lebih mesra berbanding sekadar berinteraksi dengannya secara mendengar sahaja. Pintu untuk memasuki ruang interaksi dengan al-Quran adalah dengan membacanya. Bagi golongan OKU Penglihatan yang menggunakan medium tulisan Braille sebagai bahan bacaan, mereka perlu melalui proses pembelajaran literasi seperti yang turut dilalui oleh golongan tipikal, namun sudah tentulah dengan perbezaan-perbezaan yang meraikan kelainan pancaindera antara dua golongan ini.

Kajian ini menyerlahkan keunikan dalam pembelajaran literasi bagi OKU Penglihatan. Oleh kerana fokus utama pengkaji adalah kepada ilmu literasi tilawah al-Quran, maka beberapa modul yang telah sedia ada akan diberi perhatian dan didedahkan secara umum. Seterusnya beberapa sumbangan berkaitan yang telah diusahakan oleh Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum USIM sebagai sebuah institusi Islam turut dikongsikan sejajar dengan tema penerbitan.

## **Latar belakang Al-Quran Braille**

Al-Quran Braille merujuk kepada gabungan dua perkataan iaitu al-Quran dan Braille. Al-Quran merupakan sumber rujukan utama ajaran Islam yang lengkap terkandung di dalamnya dasar utama agama Islam iaitu Akidah, Syariat dan Akhlak. Daripada sudut bahasa, al-Quran bermaksud bacaan dan perkataan al-Quran itu berasal daripada perkataan Arab *Qirā'ah* yang membawa maksud menghimpun huruf-huruf dan kata-kata, satu dengan yang lain dalam satu ucapan yang tersusun rapi (al-Zarqani, 1994). Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Qiyamah:75:16-19 yang menuntut kepada Muslim membaca, menghafaz, memahami dan seterusnya mengamalkan isi kandungan Al-Quran dalam kehidupan seharian (Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2010). Manakala daripada sudut istilah pula, majoriti para ulama Islam menyimpulkan bahawa al-Quran adalah *Kalām* Allah SWT yang diturunkan sebagai mukjizat kepada Nabi Muhammad SAW dengan perantaraan

Saidina Jibril AS, ia ditulis di dalam mashaf, diriwayatkan secara mutawatir dan dikira sebagai satu ibadah bagi mereka yang membacanya.

Manakala istilah Braille pula diambil sempena nama Louis Braille, seorang warga Perancis yang mengalami masalah penglihatan, pengasas tulisan berasaskan penggunaan titik timbul bagi menggantikan huruf dan nombor sekitar abad ke sembilan belas yang dipanggil sebagai sel (*cell*) yang mempunyai enam titik dan dikenali juga sebagai kod Braille. Gabungan al-Quran dan Braille iaitu al-Quran Braille, adalah merujuk kepada mashaf al-Quran Braille yang menggunakan kod Braille Bahasa Arab yang terdiri daripada kod-kod huruf *Hijāyyah* yang mewakili Rasm dan juga kod-kod bagi tanda-tanda bacaan seperti *Fathah*, *Dammah*, dan *Kasrah*, serta simbol-simbol seperti *Shaddah*, *Sukūn*, *Mad* dan sebagainya yang mewakili elemen *Dabṭ* (Noornajihan dan Kauthar, 2008).

Menurut dokumentasi Muhammad Mustaqim (2014) antara mashaf al-Quran Braille yang terawal diterbitkan adalah pada tahun 1952 di negara Jordan. Mashaf tersebut dicetak oleh Madrasah al-‘Ala’iyyah li al-Makfūfīn Bethlehem dengan sokongan daripada pihak berkuasa Jordan. Mashaf ini diberi judul *Al-Qurān al-Karīm*. Pada tahun 1962 pula sebuah organisasi kebajikan OKU Penglihatan di Kaherah Mesir iaitu al-Markaz al-Namuzaji li Ri‘āyah wa Tawjih al-Makfūfīn telah menerbitkan mashaf Braille dengan judul yang sama. Negara Tunisia juga turut terlibat dalam penerbitan mashaf al-Quran Braille. Berdasarkan sebuah mashaf terbitan negara tersebut yang terdapat dalam simpanan Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), ia telah diterbitkan pada tahun 1976 oleh sebuah persatuan OKU Penglihatan negara berkenaan iaitu al-Ittihād al-Qawmi li al-Makfūfīn yang beralamat di ibu kota negara tersebut. Mashaf Braille Tunisia ini dicetak dengan judul *Al-Qurān al-Karīm bi al-Khaṭ al-Bariz li al-Makfūfīn hasb Riwāyah Qālūn*. Tunisia merupakan satu-satunya negara yang menerbitkan mashaf versi Braille dalam riwayat Qālūn.

Sebuah lagi negara Arab yang memainkan peranan penting dalam penerbitan al-Quran Braille adalah Arab Saudi. Dianggarkan mashaf Braille mula diterbitkan di negara tersebut pada sekitar tahun 1985-1986. Ia diberi judul *Al-Qurān al-Karīm bi Riwāyati Hafs ‘an ‘Āṣim*. Di Indonesia pula mashaf Braille telah mula diterbitkan pada tahun 1965 atas usaha Yayasan Kebajikan Tunanetra Islam (YAKETUNIS). Penerbitan mashaf yang berjudul *Al-Qurān al-Karīm bi al-Kitābah al-‘Arabīyyah al-Nafirah* ini telah melalui beberapa fasa penambahbaikan daripada sudut isi kandungan dan pembaharuan daripada sudut teknologi percetakan daripada awal penerbitannya sehinggalah pertengahan 1970-an. Terdapat sebuah lagi organisasi di Indonesia yang juga terlibat dalam penerbitan mashaf Braille iaitu Yayasan Penyantun Wyata Guna (YPWG). Menurut catatan, yayasan ini telah mula menerbitkan mashaf Braille sendiri pada tahun 1976 (Muhammad Mustaqim, 2014). Malaysia sebagai sebuah negara yang majoriti penduduknya beragama Islam juga tidak ketinggalan dalam menerbitkan mashaf al-Quran Braille. Menurut Zakaria Yahya (2008), permulaan bagi usaha penerbitan mashaf Braille yang pertama di Malaysia adalah pada sekitar tahun 1990-1997. Usaha ini dipelopori dan diusahakan oleh Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Inisiatif hebat mereka ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan. Ini terbukti apabila mashaf al-Quran Braille yang diterbitkan oleh organisasi NGO ini telah memperolehi pengiktirafan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sehingga kini jumlah negara yang menerbitkan Al-Quran Braille semakin bertambah dengan negara-negara seperti Mesir, Morocco, Turki, Yemen, Iran, Pakistan dan lain-lain lagi turut memasuki senarai sebagai negara-negara pengeluar mashaf unik tersebut.

## **Keunikan Pengajaran Asas Tilawah al-Quran menggunakan tulisan Braille bagi OKU Penglihatan**

Tilawah al-Quran adalah satu aktiviti yang dilaksanakan dengan menggabungkan beberapa kemahiran. Antara kemahiran yang perlu dikuasai oleh seseorang pentilawah al-Quran adalah kemahiran mengenal huruf, kemahiran membunyikan huruf-huruf dengan betul bersumberkan tempat keluarnya bunyi huruf-huruf tersebut (Makhraj), kemahiran menggabungkan huruf-huruf menjadi suku kata, seterusnya ke peringkat perkataan sehinggalah kepada sepotong ayat yang lengkap. Kemahiran mengenali huruf-huruf al-Quran ini turut disempurnakan dengan kemahiran mengaplikasi tanda-tanda bacaan (*Dabt*). Proses penerapan kemahiran ini perlu dilalui secara sistematik dan disampaikan berdasarkan pendekatan, strategi dan kaedah yang sesuai.

Penerapan penguasaan tilawah al-Quran mempunyai kaitan rapat dengan amalan pengajaran yang berkesan. Setiap pengajar perlu jelas daripada sudut pendekatan, strategi, dan kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran tilawah al-Quran. Hasil gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan elemen pendekatan, strategi dan kaedah yang tertentu akan membawa kepada pengajaran yang berkesan. Menurut Ab. Halim (2006), kepelbagaian daripada segi pendekatan yang digunakan untuk mengajar juga dikenal pasti seperti daripada konkrit kepada abstrak, daripada mudah kepada kompleks, daripada keseluruhan kepada bahagian, daripada umum kepada khusus, daripada spesifik kepada umum, daripada dekat kepada jauh dan daripada diketahui kepada belum diketahui.

Bagi golongan OKU Penglihatan, deria sentuhan dan pendengaran adalah dua pancaindera utama bagi mereka mengikuti pengajian tilawah al-Quran berasaskan Braille. Kelainan upaya yang dimiliki oleh golongan ini memerlukan kepada kelainan dalam strategi penyampaian kandungan pelajaran. Oleh kerana sukatan pelajaran yang digunakan oleh arus perdana adalah sukatan bagi golongan tipikal (yang berasaskan deria penglihatan), maka terdapat masalah ketidaksesuaian pada modul yang cuma sekadar ditranskripsi ke dalam bentuk Braille untuk kegunaan OKU Penglihatan. Ini adalah kerana modul tersebut tidak dimodifikasi daripada sudut penyampaiannya yang melibatkan kaedah dan teknik pengajaran.

Hasil temubual dengan Ustaz Mohd Fauzi Mat Osman (2016), guru Pendidikan Islam (GPI) di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma Pualau Pinang, mendapati bahawa telah timbul masalah apabila model-model pengajaran al-Quran yang digunakan untuk golongan tipikal ini (Kamarul Azmi Jasmi, 2013 & Abd. Ghafur, 2012) tidak sesuai dengan kemampuan OKU penglihatan kerana model tersebut tidak mengambil kira perbezaan kaedah penulisan Braille (Mustaqim et al, 2013) dan ketidakupayaan mereka untuk melihat. Sebagai contoh, Modul Iqra' Braille yang digunakan dalam pembelajaran al-Quran yang turut digunakan di Sekolah-Sekolah Pendidikan Khas di Malaysia adalah pada asalnya model bagi golongan tipikal. Walaupun telah ditranskripsi ke dalam bentuk Braille (Mahyuddin et al. 2016) namun model pembelajaran ini sebenarnya disediakan untuk membaca al-Quran berpusatkan penggunaan deria lihat. Ini menyebabkan terdapatnya kelompangan dan ketidakseimbangan di dalam proses penerapan kemahiran tilawah kepada pembaca al-Quran yang menggunakan deria sentuh kerana aspek-aspek berkaitan kaedah pengajaran seperti arahan-arahan pengajar kepada pelajar yang tidak meraikan kelebihan dan kekurangan deria pelajar.

Bagi mencapai objektif pengajaran, seseorang tenaga pengajar bertanggungjawab dalam memilih strategi, kaedah dan teknik yang sesuai lantaran kebolehan dan keupayaan pelajar OKU

Penglihatan adalah berasaskan sentuhan dan bukan penglihatan. Menurut Norshidah et al. (2004), para pelajar dalam kalangan OKU Penglihatan memerlukan strategi dan pendekatan P&P yang berbeza. Sebagai contoh, tenaga pengajar perlu menguasai dan mempunyai kemahiran untuk melatih pelajar menggunakan mesin Brailleur dan membaca tulisan Braille, khususnya bagi pengajaran al-Quran (Hajarul Bahti et al. 2010).

Proses mengaktifkan deria sentuhan perlu melalui strategi dan kaedah yang tersendiri. Bermula daripada awal pengenalan kepada kemahiran menyentuh material yang besar dan kasar sehinggalah kebolehan mengenal pasti objek-objek yang kecil dan halus termasuklah titik-titik Braille. Menurut McLinden dan McCall (2002) para pembaca tulisan Braille di peringkat permulaan perlu menghadapi beberapa cabaran. Di antara cabaran terbesar yang sering menjadi masalah kepada mereka adalah untuk mengenalpasti titik-titik timbul dan ruang-ruang yang terdapat pada kombinasi titik-titik tersebut. Kemahiran mengenalpasti titik timbul dan ruang ini sangat diperlukan kerana ia akan memastikan pembaca dapat membezakan di antara satu sel dengan sel yang lain (Toro Graven, 2015). Di samping itu, pada peringkat awal ini juga para pembaca perlu mempunyai kemahiran untuk memastikan barisan ayat yang sedang dibaca. Ini adalah kerana para pembaca yang menggunakan sentuhan kadang-kala terkeliru dengan barisan ayat terutamanya apabila terdapat ruang di antara satu perkataan dengan perkataan yang lain. Bagi mengatasi masalah ini, para pembaca tulisan Braille perlu mengaktifkan penggunaan beberapa jari mereka sekaligus ketika membaca ayat yang ditulis di dalam satu barisan. Dalam banyak keadaan, para pembaca tulisan Braille akan menggunakan jari telunjuk tangan kanan mereka untuk mengesan huruf yang sedang dibaca manakala jari-jari yang lain daripada tangan yang sama akan berperanan untuk mengawasi huruf-huruf yang akan disentuh seterusnya di dalam barisan tersebut. Dalam masa yang sama jari daripada tangan kiri pula mengawasi huruf-huruf yang telah dibaca serta mengenalpasti pangkal barisan yang sedang dibaca bagi memudahkan pemindahan dari baris tersebut ke barisan yang seterusnya. Para pembaca Braille juga perlu mempunyai kemahiran untuk mengimbangkan kedudukan tubuh badan mereka dengan bahan bacaan supaya mereka tidak terkeliru dan berupaya memberi fokus kepada bahan yang sedang mereka baca (Maha Khochen, 2011 & Daniela, 2015).

Menurut Simon dan Huertas (1998), kadar kelajuan membaca tulisan Braille (yang dibaca dengan sentuhan) oleh pembaca yang di peringkat permulaan adalah selalunya lebih lambat berbanding dengan para pembaca di peringkat permulaan yang menggunakan deria penglihatan. Ini adalah kerana perspektif visual yang menggunakan mata adalah lebih luas berbanding perspektif sentuhan yang menggunakan jari. Tambahan pula penggunaan mata juga membolehkan seseorang melangkaui sebahagian huruf atau perkataan yang tertera berbanding dengan pembaca yang menggunakan deria sentuh di mana mereka perlu menyentuh setiap huruf atau tanda yang terdapat di sepanjang barisan yang dibaca.

Kesimpulannya, terdapat beberapa kemahiran khas yang diperlukan oleh para pembaca tulisan berasaskan sentuhan yang berbeza dengan pembaca tulisan berasaskan penglihatan terutamanya pada peringkat asas pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa perlunya para pengajar menggunakan modul yang mengandungi strategi, kaedah dan teknik yang khusus bagi menjadikan kandungan pengajaran mereka mesra para pelajar daripada golongan OKU penglihatan yang menggunakan deria sentuhan.

### **Beberapa Modul dan Panduan Pembelajaran Tilawah al-Quran Braille**

Sehingga ke hari ini, telah terdapat beberapa usaha daripada pihak-pihak yang mengambil berat terhadap pembelajaran OKU penglihatan untuk menyediakan modul atau kaedah pengajaran yang sesuai untuk dijadikan silibus pembelajaran asas tilawah al-Quran Braille. Modul asas pembelajaran al-Quran Braille ini sangat diperlukan terutamanya kepada golongan OKU penglihatan yang bukan berbangsa Arab. Oleh kerana bahasa al-Quran bukanlah bahasa ibunda bagi masyarakat bukan Arab maka satu pendedahan yang sangat asas diperlukan bagi memperkenalkan huruf-huruf yang digunakan dalam pembentukan Rasm al-Quran. Selain itu elemen *Dabf* iaitu tanda-tanda yang disertakan pada Rasm juga perlu diberikan kefahaman secara komprehensif. Elemen-elemen ini boleh dikuasai secara berperingkat mulai daripada tanda-tanda asas yang melibatkan tatabahasa seperti fathah, dhammah dan kasrah sehinggalah tanda-tanda yang membantu bacaan secara bertajwid, tempat-tempat *Waqaf*, pembahagian ayat, surah, juzuk, ayat *Sajadah* dan lain-lain.

Berikut adalah beberapa bahan yang pernah diterbitkan oleh pelbagai organisasi dari beberapa buah negara dengan tujuan untuk dijadikan sebagai modul atau panduan pengajaran kemahiran asas kepada pembelajaran tilawah al-Quran Braille. Di antara bahan-bahan ini ada yang dilengkapi dengan tatabahasa pengajaran, latihan-latihan dan aktiviti-aktiviti tertentu dan ada juga yang berbentuk buku panduan yang mana sekadar memberi pengenalan kepada pembaca akan kemahiran-kemahiran yang diperlukan tanpa menitik beratkan sebarang strategi seperti latihan atau aktiviti.

#### **i. Qaedah Asas Mengenal Huruf-huruf dan Baris-baris al-Quran Braille.**

Buku ini adalah sebagai panduan kepada para pembaca al-Quran Braille terbitan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) untuk mengenali huruf-huruf dan sebahagian daripada tanda baca-tanda baca yang digunakan dalam al-Quran Braille. Ia dicetak oleh Biro Penerbitan PERTIS di dalam tulisan Braille grade 1 Bahasa Melayu. Saiz buku ini adalah separuh daripada kertas yang digunakan untuk percetakan al-Quran Braille (14.5cm x 25.5cm) yang biasa digunakan dalam percetakan dokumen Braille. Mengandungi hanya 12 muka surat yang menyajikan empat pelajaran iaitu pengenalan kepada huruf-huruf *Hijāyyah*, pengenalan kepada baris-baris dan beberapa tanda asas yang digunakan di dalam al-Quran Braille, huruf-huruf rumi dan akhir sekali adalah kod-kod nombor dalam tulisan Braille. Surah al-Fatihah dilampirkan pada akhir pelajaran kedua daripada buku ini iaitu panduan mengenal baris-baris. Buku Qaedah asas mengenal huruf-huruf dan baris-baris al-Quran Braille ini telah digunakan di dalam program pengenalan dan pengajaran al-Quran Braille bagi golongan normal yang telah diadakan di beberapa lokasi sekitar Bangi pada tahun 2017. Program tersebut adalah di bawah usaha Pusat OKU Langat dan tenaga pengajarnya adalah Naib YDP PERTIS pada ketika itu iaitu Encik Zamzuri bin Ghani.

#### **ii. Panduan Membaca al-Quran Braille**

Buku Panduan Membaca al-Quran Braille ini ditulis oleh Ustaz Sumairi bin Zainol. Beliau merupakan salah tenaga pengajar al-Quran Braille yang sangat aktif dan banyak menyumbang dalam penerbitan bahan-bahan berasaskan al-Quran Braille. Beliau pernah bertugas di KL Braille Resources iaitu salah sebuah organisasi yang turut menjalankan percetakan mashaf al-Quran Braille. Buku susunan beliau ini telah diterbitkan pada tahun 2015 oleh KL Braille Resources. Buku ini memuatkan 23 tajuk berkenaan kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan untuk membaca al-Quran Braille. Buku setebal 29 muka surat ini ditulis dengan tulisan Rumi Braille Bahasa Melayu grade 1. Ia dimulakan dengan pengenalan kepada huruf-huruf *Hijāyyah* yang berjumlah 36 huruf (termasuk *Hamzah* yang

terletak di atas *Alif*, *Hamzah* yang terletak di atas *Wāw*, *Hamzah* yang terletak di atas *Yā'*, *Alif Maqṣūrah*, *Ta' Marbūṭah* dan *Alif Mamdūdah*), kemudian diikuti dengan pengenalan kepada tanda-tanda bacaan yang meliputi *Fathah*, *Kasrah*, *Ḍammah*, *Fathatayn*, *Kasratayn*, *Ḍammatayn*, tanda mati (*Sukūn*), tanda sabdu (*Tashdīd*), *Alif Maddah*, *Yā' Maddah*, *Wāw Maddah*, *Fathah Ishbā'īyyah*, *Kasrah Ishbā'īyyah* dan *Ḍammah Ishbā'īyyah*, di samping itu terdapat juga pengenalan kepada fungsi huruf-huruf yang digunakan selain daripada huruf-huruf *Hijā'īyyah* seperti *Hamzah-Hamzah* yang ditulis di atas *Alif*, *Wāw* dan *Yā'*, *Alif Mamdūdah*, *Alif Maqṣūrah* dan *Ta' Marbūṭah*, seterusnya pengenalan kepada tanda-tanda *Waqaf* yang terdapat di dalam al-Quran Braille. Buku ini juga dilengkapi dengan latihan kepada kemahiran-kemahiran yang diperkenalkan sebanyak 4 muka surat. Pengarang juga telah menyertakan beberapa ayat al-Quran dan surah-surah lazim di akhir buku ini sebagai praktikal kepada kemahiran-kemahiran yang diperkenalkan.

Dari sudut penggunaannya, buku ini masih belum meluas digunakan dalam kalangan pembaca al-Quran Braille. Buku ini sesuai digunakan oleh para pelajar di tahap permulaan kerana kemahiran-kemahiran yang diterapkan adalah merupakan kemahiran-kemahiran yang sangat asas kepada pembaca al-Quran Braille. Namun buku ini tidak dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran membaca secara bertajwid termasuklah bacaan-bacaan khas seperti *Imālah*, *Ishmām*, *Raum*, *Tashil*, *Saktah*, *Naql*, kemahiran membaca *Hamzah Qata'* dan *Hamzah Waṣal*, tanda-tanda ayat *Sajadah* dan pelbagai kemahiran yang lain lagi.

### iii. Buku Pedoman Membaca dan Menulis al-Qur'an Braille

Buku ini diterbitkan oleh Lajnah Pentashih Mashaf al-Quran (Indonesia) dengan cetakan pertamanya pada bulan Jun tahun 2011. Tujuan utama buku ini diterbitkan adalah untuk menjadi panduan kepada para penerbit dan pentashih al-Quran Braille di Indonesia untuk menerbitkan al-Quran Braille mengikut struktur yang ditetapkan. Buku pedoman ini dibahagikan kepada tiga bab iaitu bab pertama sebagai pendahuluan yang berkisar tentang latar belakang, tujuan dan kegunaan, sistematika penulisan dan barisan penyusun buku ini. Bab kedua merupakan kandungan utama yang memuatkan penerangan berkenaan kaedah-kaedah membaca dan menulis al-Quran Braille seperti pengenalan kepada huruf Arab Braille, penggunaan tanda baris, penulisan *Hamzah*, *Ta' Marbūṭah*, *Alif Maqṣūrah*, *Alif Lām*, *Tanwīn Waṣal*, *Hurūf Zā'idah*, tanda-tanda *Waqaf*, bacaan-bacaan khusus dalam al-Quran dan lain-lain isu yang berkaitan. Manakala bab ketiga pula merupakan penutup dan kesimpulan. Buku ini juga melampirkan kumpulan ayat-ayat *Sajadah* dalam al-Quran dan juga tempat-tempat bacaan *Tanwīn Waṣal*. Format penulisan al-Quran Braille yang melibatkan bentuk susunan halaman hadapan, halaman setiap muka surat, tanda-tanda pengenalan bagi setiap surah, juzuk dan muka surat juga diperkenalkan pada bab akhir buku ini.

Oleh kerana objektif buku ini adalah untuk dijadikan buku panduan kepada para penerbit al-Quran Braille, maka ia tidak disusun sebagai sebuah buku yang berfungsi untuk menerapkan kemahiran bahkan lebih kepada pengenalan lengkap kepada kaedah-kaedah penulisan yang digunakan di dalam mashaf Braille di Indonesia.

### iv. Arab Braille Sam'an

Kaedah ini disusun oleh Ridwan Effendi (Ketua Yayasan Sam'an Netra Mulia) dan Ahmad Solehin, diterbitkan pada tahun 2015 oleh Lughowiya Press dengan transkripsi ke dalam tulisan Braille yang dilakukan oleh Yayasan Raudhatul Makfufin, Bandung Indonesia. Kaedah ini dinamakan sebagai

'Arab Braille Sam'an, cara mudah belajar baca tulisan al-Quran Braille'. Perkataan Sam'an adalah merujuk kepada golongan OKU penglihatan yang mengikuti program pelatihan al-Quran Braille dan bahasa Arab metode Sam'an. Para pelatih ini dilatih dengan tujuan supaya mereka dapat pula menjadi tenaga pengajar untuk mengajar al-Quran Braille dan bahasa Arab.

Buku kaedah ini diterbitkan di dalam dua bentuk iaitu yang diterbitkan dalam versi tulisan Roman bercetak dan juga versi tulisan Braille dan disusun di dalam sebuah buku yang dilengkapi dengan tiga bab. Bab yang pertama berkenaan pengenalan kepada huruf-huruf *Hijā'yyah* yang asas dan tambahan serta tanda-tanda bacaan kepada huruf-huruf tersebut. Bab yang kedua berkenaan kemahiran membunyikan huruf-huruf tersebut dari sudut panjang pendek vokalnya serta cara membunyikan *Tanwīn*, *Sukūn* dan *Shaddah*. Bab yang ketiga dibentangkan di bawah tajuk problematika bacaan. Bab ini melibatkan kaedah bacaan huruf-huruf dan tanda bacaan yang agak rumit seperti kaedah bacaan *Ta' Marbūṭah* ketika *Waṣal* dan ketika *Waqaf*, bacaan *Lām Alif*, *Tanwīn Waṣal*, *Mad*, huruf-huruf yang ditulis tetapi tidak dibaca, bentuk-bentuk tulisan *Hamzah* dan *Alif Maqṣūrah*. Kaedah ini dilengkapi dengan latihan membaca sebagai bahagian terakhir yang melengkapi buku ini.

#### **v. Noor al-Quran Braille Primer (Qaaida)**

Di negara Afrika Selatan, kerajaan mereka hanya menyediakan pendidikan sekular melalui sekolah khas untuk orang kurang upaya. Oleh itu, masyarakat Islam di sana memerlukan sebuah institusi pengajian yang khusus untuk menawarkan pendidikan agama. Walaupun al-Quran Braille boleh didapati, tetapi tidak ada guru dan pusat pengajian khas untuk pengajiannya bagi OKU penglihatan. Pilihan yang terbaik bagi ibu bapa yang mempunyai anak-anak dari kalangan OKU penglihatan adalah untuk menghantar anak-anak mereka belajar di pusat pengajian agama bersama-sama dengan golongan tipikal. Namun oleh kerana saiz kelas yang besar serta kekangan masa yang terbatas di pusat pengajian agama sebegini, ia tidak memungkinkan golongan pelajar daripada OKU penglihatan untuk mendapatkan perhatian khusus yang sewajarnya. Ini adalah kerana setiap OKU memerlukan lebih perhatian beserta bantuan khusus untuk belajar dengan baik.

Pada tahun 1986 sebuah pusat pengajian agama Islam yang turut menawarkan pengajian untuk OKU penglihatan telah ditubuhkan dengan nama Madrasah An-Noor. Pusat pengajian ini didirikan di Pietermaritzburg, Afrika Selatan. Selain daripada perkhidmatan yang berbentuk pengajaran dan pembelajaran, institusi ini turut berperanan sebagai penerbit dan pencetak kepada bahan-bahan agama termasuklah cetakan yang terpenting iaitu al-Quran Braille. Bagi mengukuhkan pembelajaran al-Quran Braille kepada para pelajar mereka, satu modul pengajaran telah mereka bangukan yang diberi nama kaedah Noor al-Quran Braille Primer.

Di Madrasah An-Noor para pelajar yang terdiri daripada OKU penglihatan akan memulakan pengajian Al-Quran dengan mempelajari buku asas membaca Al-Quran tersebut. Para pelajar di Madrasah an-Noor dapat mengikut pengajian Al-Quran sehingga ke peringkat tahfiz. Kaedah Noor al-Quran Braille Primer ini disediakan dalam tiga bentuk persembahan iaitu:

- 1) Buku yang dicetak di dalam tulisan Braille.
- 2) Buku yang dicetak di dalam tulisan tipikal.
- 3) Buku versi softcopy yang dimuatkan di dalam Cakera Padat (Cd).

Modul pengajaran ini disusun dan dibahagikan kepada 32 bahagian, yang secara ringkasnya merangkumi topik-topik berikut:

- Pengenalan kepada huruf-huruf *Hijāīyyah*,
- Pengenalan baris-baris asas iaitu *Fathah, Kasrah, Dammah, Sukūn*.
- Perbincangan seterusnya berkenaan kepelbagaian bentuk tulisan huruf *Hamzah*,
- Pengenalan kepada *Fathatayn, Kasratayn, Dammatayn*,
- *Alif, Wāw* dan *Yā'* sebagai huruf *Mad*,
- *Alif, Wāw* dan *Yā'* *Muqaddarah/Mamdūdah*
- *Wāw* dan *Yā'* sebagai huruf *Līn*
- *Alif Maqṣūrah*
- Bacaan *Shaddah*
- Kemahiran-kemahiran asas tajwid yang lain iaitu bacaan *Mad, Izhār, Idghām, Ikhfā', Iqlāb*.
- Bacaan tebal dan nipis bagi huruf *Lām* dan *Rā'*
- Bacaan *Nūn Quṭnī*
- *Alif Lām Shamsīyyah* dan *Qamarīyyah*,
- Tanda-tanda *Waqf*,
- Bacaan Huruf-huruf *Muqaṭa'ah*
- Contoh-contoh dan latihan-latihan daripada sebahagian ayat dan surah daripada al-Quran.

Model Noor al-Quran Braille Primer ini boleh disifatkan sebagai sebuah model yang agak lengkap dan mesra OKU penglihatan dari sudut kemahiran-kemahiran yang diterapkan, namun terdapat beberapa ketidakseragaman dari sudut susunan *Rasm* dan *Dabī* jika dilihat dari perspektif al-Quran Braille terbitan PERTIS seperti fungsi huruf-huruf mad asli, tanda-tanda waqf yang digunakan dan lain-lain lagi. Model ini disusun di dalam sebuah buku setebal 67 halaman muka surat.

## vi. Iqra' versi Braille

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan pengajaran tilawah al-Quran tahun satu sekolah-sekolah kebangsaan mulai sesi persekolahan 1995 untuk menggunakan kaedah Iqra' yang dipelopori oleh Kyai As'ad Humam. Modul ini terdiri daripada 6 buah buku. Setiap murid tahun satu di sekolah rendah kebangsaan dikehendaki memiliki buku kaedah Iqra' dan mengikuti kelas kemahiran al-Quran sepanjang enam bulan pertama persekolahan.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Model al-Quran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Penglihatan pula, Buku Iqra (Jilid1-6) adalah merupakan modul pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam Program Pendidikan Khas seiring dengan silibus murid normal aliran arus perdana. Sebelum tahun 2012, para guru al-Quran di sekolah-sekolah Pendidikan Khas terpaksa mengambil inisiatif untuk mentranskripsi sendiri setiap helaian buku *Iqra'* ke dalam bentuk kod Braille sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bagi membantu para murid berkeperluan khas untuk belajar dengan berkesan. Pada tahun 2012 sekumpulan penyelidik daripada Universiti Sains Islam Malaysia telah berjaya mentranskripsi teks buku Iqra' 1 - 6 ini ke dalam bentuk Braille. Buku Iqra' versi Braille tersebut kemudiannya telah diterbitkan oleh pihak Universiti Sains Islam Malaysia dengan kerjasama Darul Fikir, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) (Mahyuddin et al., 2016). Buku Iqra Braille 1 – 6 ini telah diedarkan oleh Kementerian Pendidikan secara menyeluruh kepada murid-murid berkeperluan khas penglihatan di seluruh Malaysia untuk diguna pakai semenjak tahun 2012 sehinggalah ke hari ini.

Pada tahun 2014 pihak Universiti Teknologi Malaysia pula telah mengeluarkan produk bernama Panel al-Quran Braille Elektronik. Panel tersebut dimuatkan dengan perisian berupa al-Quran Braille terbitan PERTIS. Sebagai usaha menambahbaik produk mereka, pihak UTM telah bekerjasama dengan USIM dengan menjadikan Iqra Braille ke dalam bentuk data elektronik yang dijenamakan sebagai Smart Iqra Braille dan digunakan bersama Panel al-Quran Braille keluaran mereka. Panel tersebut mula digunakan di beberapa pusat pengajian al-Quran Braille dan di sekolah-sekolah pendidikan khas bagi murid-murid bermasalah penglihatan pada tahun 2016.

Produk Smart Iqra Braille ini pula telah beroleh pengiktirafan di peringkat antarabangsa dengan memperolehi anugerah khas INPEX (Excellent Award Pittsburgh USA) ketika menyertai 26th International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2015), di samping meraih anugerah emas pada pameran yang sama selain dari yang dimenangi ketika pameran Inovasi Islam (i-Inova'14) yang disertai pada tahun sebelumnya (Siti Rahmah, 2019).

### **Pengalaman dan penglibatan Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) USIM dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran Braille.**

Universiti Sains Islam Malaysia melalui Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang menawarkan kursus Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah. Kursus yang berstatus wajib fakulti ini ditawarkan kepada para pelajar tipikal dengan tujuan untuk membentuk para pelajar menjadi ahli masyarakat yang mempunyai kesedaran dan berkemahiran dalam menyantuni dunia OKU Penglihatan serta mampu menawarkan khidmat yang bersesuaian dengan latar belakang mereka iaitu pengajian Islam. Untuk mencapai objektif ini, para pelajar didedahkan dengan kemahiran literasi Braille dan kemahiran berinteraksi dengan al-Quran Braille. Dengan erti kata lain, literasi Braille dan kemahiran membaca al-Quran Braille diajarkan kepada golongan yang berpenglihatan di mana mereka menggunakan deria penglihatan untuk membaca tulisan timbul (Braille).

Kursus ini telah mula ditawarkan semenjak tahun 2008. Sepanjang 14 minggu tempoh penawaran kursus ini, para pelajar diasah dengan pelbagai kemahiran sehingga mereka mampu membaca teks al-Quran Braille secara optimum. Proses ini disokong dengan menggunakan modul khas yang dibentuk berasaskan pengalaman para pensyarah selepas melalui beberapa tahun tempoh penawaran kursus ini.

Sejarah penubuhan Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) mempunyai kaitan yang sangat intim dengan penawaran kursus Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah. Keunikan kursus ini telah mencetuskan inspirasi kepada para tenaga pengajar yang terlibat sehingga menubuhkan sebuah *Special Interest Group* untuk menjalankan kajian-kajian yang lebih serius di dalam bidang tersebut. Melalui kajian-kajian yang telah dibuat, pendedahan demi pendedahan yang semakin meluas dan mendalam telah diperolehi oleh para pengkaji khususnya berkenaan dunia OKU Penglihatan dan sudut interaksi mereka dengan al-Quran. Pada tahun 2012 kumpulan pengkaji ini telah membuka jalan kolaborasi antara USIM dengan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) menerusi projek transkripsi buku Iqra ke dalam bentuk Braille.

Pada tahun 2015 para tenaga pengajar kursus ini telah mendapat kepercayaan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan program pemindahan ilmu (knowledge transfer programme) di bawah tajaan mereka. Hasilnya pemindahan ilmu pengajaran asas tilawah al-Quran

Braille telah berjaya dilaksanakan kepada beberapa orang sukarelawan. Pada tahun yang sama juga sebuah modul pengajaran telah ditulis oleh kumpulan ini seterusnya dicetak dan diterbitkan oleh penerbit USIM dengan tajuk Pengajaran al-Quran Braille.

Seiring dengan peningkatan kehendak program dan aktiviti dari masyarakat serta institusi terlibat, serta keperluan kepada kajian-kajian berkaitan pendidikan Quran dan Sunnah bagi OKU, bermula pada awal tahun 2018 SIG ini telah melalui proses penaiktarafan sebagai sebuah unit dan kemudiannya menjadi sebuah pusat penyelidikan dengan penjenamaan Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (UMMI) di bawah seliaan Institut Sains Islam (ISI) pada tahun 2019. Penjenamaan UMMI itu sendiri mengambil inspirasi dari nama seorang sahabat Rasulullah SAW yang cacat penglihatan; Abdullah Ibnu Umami Maktum yang kisahnya disebut di dalam *Surah 'Abasa*. Kini, UMMI giat menjalankan pelbagai penyelidikan berkaitan pemindahan ilmu pendidikan dan tilawah Quran dan Sunnah bagi OKU di samping mewujudkan jaringan pintar bersama beberapa NGO mahupun institusi-institusi yang memperjuangkan hak Pendidikan al-Quran bagi OKU dengan beberapa siri memorandum persefahaman (MoU) yang telah dimeterai (Siti Rahmah, 2019).

### **Kesimpulan dan Cadangan**

Secara keseluruhan, kajian ini berkisar tentang beberapa subjek yang dipayungi oleh tiga kata kunci yang utama iaitu tilawah al-Quran Braille, modul pengajaran tilawah al-Quran bagi OKU Penglihatan dan sumbangan Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum USIM dalam perkembangan bidang tersebut.

Dapat disimpulkan bahawa untuk mencapai kemahiran dalam tilawah al-Quran Braille golongan OKU penglihatan sangat memerlukan kepada modul pengajaran dan pembelajaran yang komprehensif. Modul asas/permulaan bagi pembelajaran al-Quran Braille ini sangat diperlukan lebih-lebih lagi oleh golongan pembaca al-Quran yang tidak menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa utama. Contohnya pembaca-pembaca al-Quran dari negara Malaysia, Indonesia, Afrika Selatan dan Turki.

Modul-modul yang sedia ada sebahagiannya dibangunkan berasaskan al-Quran Braille itu sendiri dan sebahagian yang lain adalah modul yang ditranskripsi daripada modul yang berasaskan al-Quran untuk bacaan tipikal. Sebahagiannya meraikan kaedah penerapan yang sesuai untuk OKU penglihatan sebagaimana terdapat juga modul yang hanya ditranskripsi daripada modul yang digunakan oleh golongan tipikal secara langsung. Bahkan juga terdapat sebahagian daripada modul-modul yang ditranskripsi ini telah melalui proses modifikasi dalam kaedah penyampaiannya.

Idealnya, apabila sesuatu modul atau kaedah pengajaran itu hendak dibangunkan, ia mestilah dibangunkan bermula daripada dasar ilmu atau subjek yang ingin diajar. Dalam kes ini, apabila kaedah pembelajaran dan pengajaran tilawah al-Quran Braille ingin dibangunkan maka ia sepatutnya dibangunkan dengan merujuk kepada sistem dan tabiat al-Quran Braille itu sendiri dan bukan berdasarkan sistem dan tabiat al-Quran dengan tulisan tipikal. Ini kerana sistem dan tabiat kedua-dua tulisan ini mempunyai kaedah dan teknik yang jelas berbeza daripada sudut pembacaannya sekaligus akan mempengaruhi kaedah mempelajari dan menyampaikan pengajaran subjek tersebut.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum yang terlibat dengan penawaran kursus Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM telah mengorak langkah terkehadapan dalam membuat penelitian dan kajian serta penawaran ilmu al-Quran sebagai pengisian kepada kelompangan rohani buat OKU

khususnya OKU Penglihatan. Hakikatnya dunia OKU memerlukan institusi keagamaan bagi menyantuni dan mengisi kelompangan elemen rohani dan spiritual mereka. Bagi mendekati golongan unik ini, pihak institusi keagamaan perlu bersedia daripada sudut kemahiran-kemahiran khas dalam menyantuni mereka agar matlamat penyebaran ilmu itu dapat dicapai. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125: ‘Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik ..’.

### **Penghargaan**

Sekalung penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) di atas pendanaan bagi kajian yang bertajuk Pembangunan Modul Pengajaran Quran Braille Rasm Uthmani di bawah Geran Penyelidikan Sepadan (Research Matching Grant) USIM - Kerajaan (USIM/PERTIS/FPQS/LUAR-K/40721).

### **Rujukan**

- A Qur’anic Braille Primer (Qaaidah Noor-ul-Al-Quran)*. 2013. South Africa: Madrassa An-Noor For The Blind.
- Ab. Halim Tamuri. (2006). *Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Al-Quran: Pendekatan Masa Kini*. Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan.
- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2010. Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. In A. H. Yusoff, *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam* (pp. 19-37). Bangi: Penerbit UKM.
- Abd. Ghafur. 2012. *Kajian Metode Pembelajaran Baca Tulis Al Qur’an dalam Perspektif Multiple Intelligences*. Madrasah; Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Dasar. UIN-Malang. E-ISSN: 2502-194X (Vol V, No. 1; 07-2012).
- Abdullah Auhad. 2016. *Implementasi Pembelajaran Membaca Al-Al-Quran (Studi Pada Anak Tunanetra Di MI LB Budi Asih Semarang)*. Disertasi Sarjana Pendidikan Dalam Ilmu Pendidikan Agama Islam, Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.
- Al-Zarqānī, Muhammad ‘Abd al-‘Azīm. 1994. *Manāhil al-‘irfān fī ‘ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Bejo. 2016. *Penerapan Metode Iqro’ Braille Dalam Pembelajaran Membaca Huruf Alqur’an Bagi Siswa Tunanetra Islam Pada Sekolah Luar Biasa Di Kabupaten Kulon Progo*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Fakultas Ilmu Pendidikan Universitas Negeri Yogyakarta.
- Daniela Dimitrova Radojichikj. 2015. *Students With Visual Impairments: Braille Reading Rate*. International Journal of Cognitive Research in Science, Engineering and Education Vol. 3, No.1, 2015.
- International Council on English Braille. 2013. *World Braille Usage*. National Library Service for the Blind and Physically Handicapped Library of Congress UNESCO Washington, D.C.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2013. *Membangun Kemahiran Al-Al-Quran Dan Jawi Kepada Anak-Anak*. Kertas kerja Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Al-Quran SRA Jawi pada 28-29 Oktober 2013 Masjid Negara, Kuala Lumpur.
- Karen A. Toussaint. 2011. *Teaching Tactual Discrimination Of Braille Characters To Beginning Braille Readers*. A Thesis For The Degree Of Doctor of Philosophy of Louisiana State University.

- Hajarul Bahti. 2010. *Memperkasa Pendidikan al-Al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan*. <https://www.researchgate.net/publication/280240116>
- Hajarul Bahti. 2010. *Isu Dan Cabaran Guru Dalam Pendidikan Al-Al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan*. Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia.
- Hajarul Bahti. 2015. *Perkembangan Dakwah Terhadap Golongan Bermasalah Penglihatan: Sorotan Dari Perspektif Sejarah Pendidikan Al-Al-Quran*. <https://www.researchgate.net/publication/279861454>
- Kukuh Kurnia. 2016. *Penggunaan Iqro' Braille Untuk Memperlancar Kemampuan Membaca Al-Qur'an Siswa Tunanetra Kelas III DI SDLB*. Jurnal Pendidikan Khusus. Universitas Negeri Surabaya.
- Lajnah Pentashih Mashaf al-Al-Quran Kementerian Agama Republik Indonesia presented their research in the "Seminar Hasil Penelitian Pengajaran al-Al-Quran Braille bagi Anak Anak Berkebutuhan Khusus (Tunanetra)" on 25th July 2016. <https://www.kemenag.go.id/berita/386024/indonesia-butuh-pengajar-dan-modul-pengajaran-al-al-Quran-braille>
- Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan AL-Al-Quran Kementerian Dalam Negeri. 2012. *Panduan Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Maha Khochen. 2011. *Reading through Touch: Importance and Challenges*. Paper presented at the World Congress Braille21, 28-30 September 2011, University of Leipzig, Germany. Published by German Central Library for the Blind (DZB), Leipzig, Germany.
- Mahyuddin bin Hashim et al. 2012. *Iqra' Braille 1-6*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mahyuddin bin Hashim et al. 2016. *Monograf Standard Transkripsi Penulisan Arab/Jawi Braille*. Nilai: Penerbit USIM.
- Mahzan Arshad. 2012. *Pendidikan Literasi Awal Kanak-kanak Teori dan Amali*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- McLinden and McCall. 2002. *Learning Through Touch: Supporting Children With Visual Impairment and Additional Difficulties*. London: David Fulton Publisherd.
- Mohd Fauzi Mat Osman. 2016. Personal Interview. Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
- Mohd Nur Adzam Rasdi et al. 2016. *Iqra Braille Sebagai Modul Asas Kemahiran Membaca Al-Al-Quran Braille: Isu Ketidakeragaman Antara Dua Teks*. Prosiding Seminar Serantau Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya 2016 (SSPIOKU 2016). Bangi: Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.
- Mohd Nur Adzam Rasdi et al. 2018. *Sistem Dhabt Mashaf Braille Terbitan Persatuan Oran-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)*. Membahagiakan Manusia Dengan Petunjuk al-Al-Quran. Centre Of Al-Quranic Research (CQR), University Of Malaya, Malaysia.
- Muhammad Mustaqim et al. 2013. *Pembangunan Braille al-Al-Quran Rasm Uthmani*. Nilai: Monograf Penyelidikan USIM.
- Muhammad Mustaqim. 2014. *Braille al-Al-Quran Sejarah dan Kaedah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Noornajihan Jaafar, Kauthar Abdul Kader. (2008). *Pengajaran Braille al-Al-Quran di Malaysia*. Seminar Warisan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norakyairree et al. 2013. *Pengajaran Al-Al-Quran Braille: Isu Dan Cabaran Semasa*. International Journal On Al-Quranic Research (IJQR) Vol.3, No. 4, June 2013, Pp. 79-94. Centre Of Al-Quranic Research (CQR), University Of Malaya, Malaysia.

- Norhasnira et al. 2015. *Modul Pengajaran al-Al-Quran Braille: Tinjauan Awal*. Tajdid In Qur'anic Studies P43-54. Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norshidah Mohd Salleh, Khadijah Abdul Razak dan Noraini Mohd Salleh. (2004). *Strategi Pengajaran al-Al-Quran dalam Kalangan Murid Bermasalah Penglihatan*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas (Jilid 2) (pp. 452-463). Bangi: UKM.
- Pedoman Membaca dan Menulis al-Qur'an Braille*. 2011. Lajnah Pentashih Mashaf al-Al-Quran Kementerian Agama Republik Indonesia.
- Qaedah Asas Mengenal Huruf-huruf dan Baris-baris al-Al-Quran Braille*. 2017. Kuala Lumpur. Biro Penerbitan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS).
- Ustaz Mohd Fauzi Mat Osman. Personal Interview. 25/8/2016. Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma. Penang.
- Ridwan Effendi & Ahad Solihin. 2015. *Arab Braille Sam'an*. Lughowiya Press, Bandung Indonesia.
- Rooma Nadeem. 2015. *Selecting Literacy Approaches in Braille for Students with Visual Impairments*. A research paper submitted in conformity with the requirements for the degree of Master of Teaching Department of Curriculum, Teaching and Learning Ontario Institute for Studies in Education of the University of Toronto.
- Simon and Huertas. 1998. *How Blind Readers Perceive and Gather Information Written in Braille*. Journal of Visual Impairment & Blindness, v92 n5 p322-30 May 1998.
- Siti Rahmah et al. 2015. *Pendidikan al-Quran bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI)*. Jurnal of Islamic Social Sciences and Humanities, v20 (2) Special Issue: p78-98. 2019.
- Sumairi Zainol. 2015. *Panduan Membaca Al-Quran Braille*. Kuala Lumpur: KL Braille.
- Toro Graven. 2015. *How Blind Individuals Discriminate Braille Characters: An Identification And Comparison Of Three Discrimination Strategies*. The British Journal of Visual Impairment 2015, Vol. 33(2) 80 –95. 2015.
- Zakaria Yahya. 2008. *Perkembangan dan Isu Terkini dalam Penulisan al-Al-Quran Braille: Satu Tinjauan Umum*. Seminar Perkembangan dan Isu Terkini Dalam Penulisan al-Al-Quran Braille (p. 14). Kuala Lumpur: PERTIS.